PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA
(Agensi di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada **PEMBEKAL TEMPATAN (KUALA LUMPUR DAN SELANGOR)** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dalam kelayakan seperti berikut:

1	**TAJUK SEBUT HARGA**	**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN TENAGA KERJA UNTUK MENGANGKAT BARANG, PEMASANGAN, PEMBUNGKUSAN, PENYIMPANAN, PENGHANTARAN, PEMUNGGAHAN, SUSUN ATUR, PENGANGKUTAN, MEMBUAT GARISAN LOT DAN MENGAMBIL SEMULA PROP SERTA BARANGAN LAIN SEMPENA FESTIVAL KRAF JOHOR 2026 DI PADANG AKASIA, ANGSANA JOHOR BAHRU MALL**
2	**NO. SEBUT HARGA**	**PKKM/SKD/S/60/2026**
3	**SYARAT KELAYAKAN**	**Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF)** **Kod bidang:** 221104 – Tenaga Buruh; atau 221706 – Pembungkusan dan Penyimpanan; atau 221707 – Pembungkusan
4	**HARGA DOKUMEN**	**RM10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)** Secara Tunai Atau Bank Draf/ Kiriman Wang/ Wang Pos Atas Nama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
5	**TARIKH PELAWAAN**	**30 Oktober 2026 (Jumaat)**
6	**MASA PEMBELIAN DOKUMEN**	**Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi – 12.45 tengah hari** **2.00 petang – 4.30 petang** **Jumaat : 8.30 pagi – 12.00 tengah hari** **2.45 petang – 4.30 petang**
7	**TARIKH TUTUP**	**6 November 2026 (Jumaat)** Pukul 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pembekal-pembekal yang sah sahaja. Pembekal hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL** dan **SALINAN** bagi **Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MoF)** yang masih sah untuk semakan.

2. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri, dengan 'No. Rujukan Sebut Harga' dituliskan di sebelah kiri sampul yang dimasuki. Dokumen hendaklah dipos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari pada tarikh sebut harga ini ditutup di alamat berikut:

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Bangunan Seri Utama, Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2162 7533 I Faks: 03-2161 2622